

19 SEP 1997

PENGISYTIHARAN DARURAT JEREBU

Berikut ialah teks penuh Pengisytiharan Darurat Jerebu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengarah Gerakan Negara.

1. Memandangkan keadaan jerebu di Negeri Sarawak pada masa ini telah mencapai tahap Indeks Pencemar Udara (IPU) 500 ke atas dan adalah dianggarkan tahap ini akan berterusan beberapa lama lagi, maka dengan ini, saya mengisytiharkan keadaan Darurat Jerebu bagi seluruh negeri Sarawak mulai dari sekarang hingga ke suatu masa pengisytiharan ini ditarik balik, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 18 September 1997.

2. Adalah dijelaskan bahwa pengisytiharan Darurat Jerebu ini tidak melibatkan penguatkuasaan perintah berkurung dan juga tidak ada perubahan dalam corak dan sistem pemerintahan Kerajaan Negeri Sarawak sekarang ini. Bagaimanapun, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia hendaklah mengatur dan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menjamin keberterusan keamanan dan keselamatan Negeri Sarawak.

3. Satu Garis Panduan mengenai tindakan untuk menghadapi Darurat Jerebu ini disediakan seperti di Lampiran A. Semua pihak hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan berpandukan Garis Panduan itu.

(Tanda Tangan)
Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri
Merangkap Pengarah Gerakan Negara.

Bertarikh : 19 September 1997

LAMPIRAN A

GARIS PANDUAN TINDAKAN DALAM MENGHADAPI DARURAT JEREBU

Apabila keadaan darurat diisytiharkan, Jawatankuasa Pengurusan Dan Bantuan Bencana Negeri hendaklah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

(a) mengeluarkan perintah penutupan semua pejabat sama ada Kerajaan atau pun swasta dan lain-lain tempat bekerja termasuk kilang, ladang, pembinaan dan kuari.

Larangan penutupan ini dikecualikan bagi

(i) kedai-kedai yang menjual barang-barang makanan dan minuman, pasar, pasar raya;

(ii) klinik, farmasi dan kedai-kedai ubat; dan

(iii) perkhidmatan-perkhidmatan perlu.

(b) menggerakkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk mengambil langkah-langkah bagi menjaga keamanan dan keselamatan Negeri Sarawak;

- (c) menentukan pemberhentian kerja-kerja tanah dan pemindahan tanah;
- (d) menentukan program hujan tiruan dijalankan seberapa banyak mungkin dengan pengemblengan kapal terbang Tenteru Udara Diraja Malaysia (TUDM);
- (e) menasihatkan pengurangan penggunaan kenderaan persendirian;
- (f) menentukan semua sekolah ditutup
- (g) menentukan penyebaran maklumat indeks pencemaran kepada pihak media cetak dan elektronik dibuat seberapa kerap:
- (h) meminta pihak media menasihatkan orang ramai untuk sentiasa berada dalam rumah serta tindakan-tindakan yang diperlu diambil oleh mereka;
- (i) Kementerian Penerangan hendaklah memastikan maklumat-maklumat di atas disiarkan secara berterusan;
- (j) menentukan penguatkuasaan pengharaman pembakaran secara terbuka terus dikuatkuasakan; dan
- (k) menentukan arahan darurat jerebu ini tidak melibatkan perisytiharan perintah berkurung (kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu di bawah mana-mana peruntukan undang-undang mewajarkannya).

Bahagian Keselamatan Negara,
Jabatan Perdana Menteri,
Kuala Lumpur.
-- Bernama
SJA PR